

Keselamatan dan kesejahteraan pelajar sekolah menengah di daerah Kanowit, Sarawak

Safety and Wellbeing among Secondary School Students in the District of Kanowit, Sarawak

Marinah Awang^a, Rainica Charles Singka^b

^aUniversiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia, marinah@fpe.upsi.edu.my

^bSekolah Menengah Kanowit, Sarawak, Malaysia, rainica_smkk2010@yahoo.com

Received: 23 November 2020; Accepted: 29 December 2020; Published: 29 December 2020

To cite this article (APA): Awang, M., & Charles Singka, R. (2020). Safety and Wellbeing among Secondary School Students in the District of Kanowit, Sarawak. *Management Research Journal*, 9, 25-35. <https://doi.org/10.37134/mrj.vol9.sp.2.2020>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/mrj.vol9.sp.2.2020>

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menentukan hubungan antara konstruk keselamatan dengan kesejahteraan pelajar sekolah menengah dalam daerah Kanowit, Sarawak. Sampel kajian terdiri daripada 160 responden pelajar harian di sekolah-sekolah menengah dalam daerah Kanowit. Soalselidik kajian terdiri daripada beberapa instrumen yang telah diubahsuai daripada KPM (2002), Konu dan Lintonen (2006); Sufean dan Norlia (2006); MDS3 School Climate Survey (2014). Dapatan kajian menunjukkan konstruk keselamatan pelajar sekolah menengah di daerah Kanowit adalah berada di tahap tinggi (min=3.31) manakala konstruk kesejahteraan pelajar berada di tahap sederhana (min=2.87). Terdapat hubungan yang signifikan antara konstruk keselamatan dengan kesejahteraan pelajar iaitu nilai Pearson r ialah $(p=0.000)=0.529$ dengan nilai $p<0.05$. Implikasi kajian menunjukkan bahawa konstruk keselamatan perlu dilaksanakan dengan berkesan di sekolah bukan sahaja untuk mewujudkan sekolah selamat tetapi juga untuk meningkatkan kesejahteraan dalam kalangan pelajar. Justeru itu, pengurusan keselamatan di sekolah perlu dilaksanakan dengan cekap dan berkesan agar kesejahteraan pelajar sentiasa terpelihara.

Kata kunci: pengurusan, keselamatan, kesejahteraan, sekolah menengah, sekolah selamat

Abstract

The aim of this research is to determine the relationship between safety and wellbeing konstruk among secondary school students in Kanowit district of Sarawak. The sample of this study consisted of 160 students from secondary schools in Kanowit district. Instrument was modified from MOE (2002); Konu and Lintonen (2006); Sufean and Norlia (2006); MDS3 School Climate Survey (2014). The findings showed that safety konstruk for secondary school students is significantly at high level (min=3.31) while wellbeing konstruk is practice at medium level (min=2.87). There is a significant relationship between safety konstruk with wellbeing among students at Pearson r , which is $(p=0.000)=0.529$ where $p<0.05$. Implications of this study had shown that safety must be practiced effectively in schools, not just for establishing school safety but as well as to enhance students' wellbeing. Therefore, safety must be practiced and managed effectively and efficiently so that students' wellbeing is always preserved.

Keywords: management, safety, wellbeing, secondary school, safe school

PENGENALAN

Keselamatan merupakan aspek perlindungan fizikal yang perlu diberi penekanan dalam kehidupan seharian manusia bagi menghindar seseorang daripada mengalami kesakitan atau kecederaan (Amstrong, 2006). Kemalangan yang berlaku ketika pelajar menjalankan aktiviti sama ada dalam kawasan sekolah maupun di luar sering menjadi perhatian ibu bapa atau penjaga dan juga masyarakat. Kebimbangan ibu bapa dan masyarakat awam terhadap risiko yang menggugat keselamatan pelajar menyebabkan pihak sekolah perlu memastikan keselamatan di sekolah dalam keadaan maksimum (Awang, M., & Suyanto, N. (2017). Maksud sekolah selamat adalah wujudnya persekitaran fizikal yang selamat dan tidak membawa kepada risiko kecederaan; wujudnya persekitaran emosi yang positif dan persekitaran sekolah bebas dari tingkah laku negatif yang boleh menjejaskan kesihatan mental (New South Wales Department of Education and Communities, 2015).

Pengurusan keselamatan di sekolah merupakan antara elemen penting dalam mewujudkan iklim dan budaya sekolah yang sihat. Malaysia misalnya mempunyai sebanyak 2442 buah sekolah menengah dengan sejumlah 2,028,093 orang pelajar (KPM, 2020). Sejumlah 1789 sekolah menengah di Malaysia adalah terletak di bandar dan sejumlah 653 terletak di luar bandar. Kebanyakan sekolah-sekolah yang berada di luar bandar adalah terletak di negeri Sabah dan Sarawak iaitu masing-masing berjumlah 157 dan 125 buah. Faktor bentuk muka bumi dan taburan penduduk adalah penyumbang utama terhadap ketidakseimbangan ini. Keadaan infrastruktur sekolah dikebanyakan lokasi luar bandar pula masih memerlukan perhatian serius yang termasuk dalam kategori sekolah daif. Berdasarkan laporan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM, 2019), sebanyak RM 557 juta diperuntukkan untuk menaik taraf dan membangunkan semula sekolah daif di Sarawak yang melibatkan 198 buah sekolah. Anjakan ke-6 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 hingga 2025 telah memfokuskan kepada tindakan kerajaan untuk memastikan semua sekolah di Malaysia mendapat keperluan infrastruktur sepenuhnya.

Mewujudkan institusi pendidikan yang selamat dan bebas kemalangan merupakan satu cabaran yang dilalui oleh KPM. Pelbagai Pekeliling Ikhtisas berkaitan dengan penjagaan keselamatan murid diterbitkan untuk memberi garispanduan kepada sekolah. Antaranya ialah Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 8 Tahun 2011 merujuk kepada Pengurusan Keselamatan Murid di Sekolah, Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil. 5 Tahun 2016 - Panduan Keselamatan Semasa Pengajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan Serta Kegiatan Kokurikulum dan Sukan di Dalam dan Luar Kawasan Sekolah. Persediaan Menghadapi Bencana (KPM, 1998); Keselamatan Diri Murid semasa Perjalanan untuk Pergi dan Balik Sekolah (KPM, 1999) dan sebagainya.

Walaupun sekolah sering dikategorikan sebagai premis risiko rendah namun sebarang kemalangan dan kecederaan yang berlaku akibat keberadaan dan aktiviti pelajar di sekolah adalah membimbangkan. Pengasas teori klasik sebab-sebab berlaku kemalangan iaitu Teori Domino (W.H Heinrich, 1931) menyatakan bahawa kemalangan adalah sesuatu yang tidak dirancang dan tidak diduga. Teori Domino menyatakan bahawa 88 peratus kemalangan adalah disebabkan oleh tingkahlaku yang tidak selamat (*unsafe act*), 10 peratus disebabkan oleh keadaan yang tidak selamat (*unsafe condition*) atau 2 peratus disebabkan oleh tuhan (*act of god*). Maklumat sebab berlaku kemalangan adalah penting sebagai langkah pencegahan dan memberi *closure* kepada pihak-pihak yang berkepentingan. Setiap peristiwa kemalangan akan memberi implikasi kepada kos seperti kehilangan nyawa, kecederaan, kemusnahan hartabenda, gangguan emosi, imej dan reputasi. Kejadian yang melibatkan kematian dan kecederaan pelajar seperti terjatuh, terluka kerana menggunakan peralatan di bengkel, kecederaan semasa menjalankan aktiviti kokurikulum, gangguan emosi dan mental dan pelbagai insiden lain pula banyak dilaporkan di akhbar. Analisis melalui laporan akhbar menunjukkan hampir setiap bulan berlaku kemalangan yang melibatkan pelajar di seluruh Malaysia (Awang, M., & Suyanto, N. (2017). Situasi sebegini secara tidak langsung akan mempengaruhi kesejahteraan pelajar. Dalam tempoh Januari 2017 hingga Februari 2019 misalnya, terdapat tiga kes lemas yang melibatkan pelajar sekolah di Sungai Rajang, Kanowit, Sarawak (Harian Metro, Nov 2017; Utusan

Online, Jun 2018; Berita Harian Online, Feb 2019). Tragedi ini walaupun berlaku di luar waktu sekolah namun elemen keselamatan para pelajar terus menjadi fokus keutamaan. KPM amat memandang serius terhadap kejadian kemalangan yang menimpa pelajar sekolah seperti ini.

SOROTAN LITERATUR

Keselamatan fizikal sekolah adalah penting untuk memastikan pelajar selamat daripada kecederaan dan kemudaratan. Persekitaran fizikal sekolah adalah meliputi bangunan dan struktur fizikal sekolah, infrastruktur, perabot, dan penggunaan dan kehadiran bahan kimia dan agen biologi; kedudukan tapak sebuah sekolah; dan persekitaran sekeliling sekolah termasuk udara, air, dan bahan-bahan yang boleh disentuh oleh kanak-kanak, penggunaan tanah berdekatan jalan raya serta bahaya lain (WHO, 2014).

Kesejahteraan pula adalah perkara yang melibatkan kewujudan perasaan dan emosi berkaitan dengan kehidupan; memiliki emosi serta mood yang positif iaitu merasa kepuasan dan rasa bahagia; ketiadaan emosi negatif yang merujuk kepada rasa murung atau cemas; dan menjurus kepada pemenuhan berbentuk positif. Pentafsiran kesejahteraan juga mengambilkira konteks kesejahteraan fizikal iaitu merasakan diri sihat tanpa ada keuzuran fizikal, mental dan emosi (Armstrong, 2006). Menurut Levi (1987) kesejahteraan dianggap sebagai keadaan yang dinamik dan keseimbangan antara kebolehan; keperluan dan jangkaan individu; dan mengutamakan peluang. Kesihatan ditakrifkan sebagai individu yang berupaya mencapai potensi diri agar dapat menikmati kesejahteraan fizikal; mental; dan sosial yang maksimum dan lengkap (DOH Ireland, 2013). Kesejahteraan berhubung kait antara fizikal dan aspek psikologi keperibadian; memberi kepuasan kepada diri sendiri; dan memberi manfaat kepada masyarakat (Sekiwi & Kabanda, 2014).

Kesejahteraan pelajar tidak sama dengan kesejahteraan penduduk awam (New South Wales Department of Education & Communities, 2015). Kesejahteraan pelajar dilihat dalam konteks persekitaran sekolah, sejauh mana seorang pelajar itu berfungsi dengan berkesan dalam komuniti sekolah (Frailon, 2004), bersikap positif, mempunyai daya tahan dan kepuasan sendiri, serta berkait dengan pengalaman yang dialami pelajar di sekolah (Australian Catholic University & Erebus International, 2008). Kajian Gutman dan Feinstein (2008) mengenai kesejahteraan kanak-kanak mendapati bahawa dimensi kesejahteraan dapat dilihat melalui kesihatan mental; kelakuan anti-sosial; kelakuan pro-sosial; dan pencapaian kemajuan mereka. Persekitaran sekolah, sebagai konteks pembelajaran dan pendidikan, juga mempunyai peranan penting dalam keberhasilan kanak-kanak.

Sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan memainkan peranan penting dalam mewujudkan sekolah selamat dan pelajar sejahtera. Beberapa kejadian yang menggugat keselamatan di sekolah seperti kejadian tembakan, serangan, buli dan gangguan keselamatan yang berlaku di Amerika telah membawa kepada kegusaran bukan sahaja oleh penduduk setempat tetapi juga di peringkat antarabangsa. Dalam hal ini *World Health Organisation* (WHO, 2017) telah menggesa negara-negara di seluruh dunia untuk melaksanakan pelaburan membangunkan pengetahuan berhubung punca utama berlakunya keganasan di sekolah, dalam masa yang sama menyediakan latihan, sumber, dan bimbingan kepada sekolah. Program *Comprehensive School Safety* (2017) oleh WHO umpamanya telah menyediakan satu kerangka sekolah selamat yang boleh digunapakai di sekolah-sekolah serata dunia. CSS merupakan satu inisiatif program yang bertujuan untuk melindungi warga sekolah daripada kemalangan, kecederaan dan kematian di sekolah melalui plan strategik, melindungi pelaburan pendidikan dan mengawal, mengukuh serta mengurangkan risiko kemalangan di premis sekolah.

Walaupun keselamatan sekolah menjadi elemen penting yang perlu diberi perhatian oleh pihak pengurusan sekolah tetapi keselamatan di sekolah juga menjadi tanggungjawab ibu bapa dan komuniti. Pelibatan ibu bapa sebagai sebahagian daripada kehidupan persekolahan pelajar juga berupaya meningkatkan rasa

selamat. Pelibatan ibu bapa di sekolah dari perspektif pelajar adalah bersifat secara langsung melalui mesyuarat Persatuan Ibubapa Guru; perjumpaan kemajuan pelajar atau terlibat dalam aktiviti lapangan seperti gotong royong. Pelibatan ibubapa dan komuniti dalam konteks sekolah ini banyak membantu melonjakkan inisiatif sekolah ke arah sekolah selamat dan sejahtera (Goldkind & Farmer, 2013; Sekiwu & Kabanda, 2014).

Di Malaysia, penekanan terhadap keselamatan dan kesejahteraan pelajar telah mula diperkenalkan pada tahun 1967 melalui Rancangan Kesihatan Sekolah (RKS) dan Program 3K (Keceriaan, Kebersihan dan Keselamatan). Satu kerangka kerja gabungan Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia telah menghasilkan Modul Program Bersepadu Sekolah Sihat (PBSS) pada tahun 1999 untuk memastikan aspek pengurusan keselamatan dan kesejahteraan pelajar dilaksanakan. Susulan daripada kerangka PBSS maka Projek Sekolah Selamat pula diperkenalkan pada tahun 2002 yang menumpukan kepada inisiatif menjadikan murid lebih selamat dan bebas dari gangguan pelbagai pihak dalam dan luar premis (KPM, 2002).


Seterusnya unsur disiplin juga menjadi faktor kepada mewujudkan keselamatan dan kesejahteraan di sekolah. Konflik antara pelajar dan guru mempunyai hubungannya dengan tingkah laku pelajar di sekolah (Howes, 2000). Ketiadaan atau kekurangan disiplin dalam diri pelajar boleh membawa kepada kesan negatif terhadap tindakan yang mereka ambil. Dalam mewujudkan sekolah yang selamat dan sejahtera, tahap disiplin pelajar yang tinggi mendorong pelajar untuk bersikap positif. Keadaan ini membantu mengurangkan kes salah laku di sekolah seperti membuli, ponteng, merokok dan lain-lain salah laku. Walau bagaimanapun disiplin yang tinggi sahaja tidak menjamin sebaliknya kawalan peraturan juga perlu dilaksanakan di sekolah (Moreno, 2007).

Seterusnya keadaan bilik darjah akan mempengaruhi tahap emosi dan tingkah laku pelajar dan seterusnya menentukan kesejahteraan pelajar. Pelajar yang mempunyai emosi yang stabil dan berasa sejahtera di dalam kelas akan mempengaruhi prestasi akademik pelajar (Reyes, Brackett, Rivers, White, & Salovey, 2012). Rekod kehadiran pelajar yang baik ke sekolah juga menjadi elemen penting kepada kejayaan sekolah (Arul, 2017). Oleh itu, untuk memastikan pelajar sentiasa hadir ke sekolah, pihak sekolah perlu mewujudkan keadaan selamat di sekolah dan dalam masa yang sama melahirkan rasa sejahtera dalam diri pelajar iaitu pelajar berasa seronok dan tidak timbul perasaan terancam semasa berada di premis sekolah. Sekolah merupakan tempat penting bagi mempromosikan perkembangan intelektual; fizikal; sosial; emosi; moral; rohani; kesejahteraan pelajar; dan perpaduan sosial yang berterusan. Seterusnya dapatan kajian Arul (2017) menyatakan ada perbezaan yang signifikan antara kesejahteraan pelajar sekolah luar bandar dengan pelajar sekolah bandar mungkin disebabkan kekurangan infrastruktur.

Persekitaran fizikal juga dapat mewujudkan jalinan hubungan mesra sesama dan antara pelajar dan guru yang kemudiannya dapat melahirkan suasana selesa dan sejahtera (Ainun, Zamri & Wan Muna Ruzanna, 2017). Keadaan kemudahan fizikal di institusi pendidikan turut mempengaruhi prestasi keseluruhan institusi dan turut memberi kesan kepada pencapaian akademik. Kekurangan jumlah dan keadaan meja, kerusi, tandas, kemudahan, bekalan asas seperti air dan makan, bilik darjah dan bangunan sekolah yang usang atau lama akan memberi kesan negatif kepada pencapaian akademik. Oleh itu, pencapaian akademik mempunyai hubungan rapat dengan kemudahan pendidikan (Hussain, Ahmad, Ahmad, Suleman, Din & Khalid, 2012) dan suasana persekitaran sekolah pula banyak mempengaruhi keadaan pelajar termasuklah kesejahteraan mereka.

KERANGKA KONSEPTUAL MODEL 3S

Kerangka konseptual Model 3S ini merupakan model yang telah diubahsuai oleh Marinah dan Norhazwani, 2017 daripada model-model keselamatan dan kesejahteraan yang lain seperti Model Sekolah Selamat (KPM, 2002), Model Kesejahteraan Sekolah (Konu & Rimpela 2002) dan Model USDOE, yang merupakan Model Sokongan sekolah selamat yang telah dikemaskini oleh Bradshaw, Waasdrp, Debnam dan Johnson (2014). Model 3S ini berteraskan kepada dua konstruk utama iaitu Selamat dan Sejahtera. Dalam mewujudkan suasana keadaan rasa selamat terdapat enam aspek yang menyumbang kepada konstruk Selamat ini iaitu Pergerakan pelajar; Keadaan sekolah; Suasana pembelajaran; Aktiviti kokurikulum; Pengurusan sosial dan Pengurusan bencana. Sementara itu konstruk Sejahtera pula mengandungi empat aspek iaitu Persekitaran sekolah; Hubungan sosial; Sokongan dan potensi diri dan Kesihatan diri. Kedua-dua konstruk Selamat dan Sejahtera mempunyai hubungan *reciprocal* atau timbal-balik yang masing-masing menyumbang kepada perasaan dan keadaan yang selamat dan sejahtera. Hubungan ini tidak wujud di dalam *silo* kerana hubungan ini menyumbang kepada persekitaran di tahap mikro dan makro iaitu dalam lingkungan keluarga dan masyarakat.



Rajah: Kerangka Konseptual Model 3S

Aspek keselamatan dan kesejahteraan di sekolah adalah sangat luas yang bukan sahaja melibatkan aktiviti kurikulum dan ko-kurikulum dalam persekitaran fizikal sekolah malah juga melibatkan interaksi sosial dan psikososial pelajar. Oleh hal yang demikian kajian ini telah menetapkan dua objektif untuk dicapai:

- Mengenal pasti tahap keselamatan dan kesejahteraan dalam kalangan pelajar sekolah menengah di luar Bandar dalam Daerah Kanowit, Sarawak.
- Menentukan hubungan antara keselamatan dan kesejahteraan dalam kalangan pelajar sekolah menengah di luar Bandar dalam Daerah Kanowit, Sarawak.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian berbentuk tinjauan di lapangan ini akan melibatkan semua pelajar tingkatan empat di tiga buah sekolah menengah harian di daerah Kanowit iaitu SMK Kanowit, SMK Sedaya dan SMK Nanga Dap. Jumlah sampel yang di pilih adalah seramai 160 orang iaitu terdiri daripada hanya pelajar yang melakukan perjalanan ulang-alik setiap hari dari rumah ke sekolah. Instrumen yang diguankan dalam kajian ini merupakan instrumen yang telah ubahsuai oleh Marinah dan Norhazwani (2017) daripada KPM (2002), Konu dan Lintonen (2006); Sufean dan Norlia (2006); MDS3 School Climate Survey (2014). Instrumen ini mengandungi dua konstruk utama iaitu keselamatan dan kesejahteraan. Konstruk keselamatan mengandungi enam sub-konstruk iaitu pergerakan pelajar, keadaan sekolah, suasana pembelajaran, aktiviti kokurikulum, pengurusan sosial dan Pengurusan bencana. Bagi konstruk kesejahteraan pula, ianya meliputi empat sub-konstruk iaitu persekitaran sekolah, hubungan sosial pelajar, sokongan dan potensi diri pelajar dan kesihatan diri pelajar. Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen telah dilakukan yang melibatkan dua proses iaitu kesahan pakar dan kajian rintis. Seramai lima orang pakar dilantik untuk menilai kesahan instrumen yang telah diubahsuai. Nilai pekali untuk kesahan daripada lima pakar tersebut adalah 0.85 atau 85% untuk 35 item konstruk keselamatan dan 0.94 atau 94% untuk keseluruhan 72 item konstruk kesejahteraan. Bagi aspek kebolehpercayaan instrumen pula didapati bahawa keseluruhan nilai Alpha Cronbach untuk konstruk keselamatan dan kesejahteraan masing-masing mempunyai nilai 0.840 dan 0.855. Seterusnya statistik deskriptif dan inferen di gunakan untuk menjawab kedua-dua objektif di atas.

DAPATAN KAJIAN

Sejumlah 160 soalselidik telah dikembalikan pelajar yang terlibat sebagai responden dalam kajian ini. Mereka adalah 104 daripada SMK Kanowit, 49 daripada SMK Sedaya dan 7 daripada SMK Nanga Dap. Daripada jumlah tersebut 66 orang adalah pelajar lelaki dan 94 adalah pelajar perempuan. Seterusnya analisis skor min untuk tahap kedua-dua konstruk keselamatan dan kesejahteraan adalah merujuk kepada jadual tafsiran berikut.

Jadual 1 Tafsiran tahap min skor

Min skor	Tafsiran tahap
1.01 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana
3.01 – 4.00	Tinggi

Tahap konstruk keselamatan dalam kalangan pelajar

Berdasarkan Jadual 2 didapati bahawa kesemua sub-konstruk di bawah konstruk keselamatan adalah berada di tahap skor min yang tinggi dengan nilai min 3.31 ($sp=0.350$). Daripada enam sub-konstruk tersebut, sub-konstruk pengurusan sosial mempunyai min yang paling tinggi iaitu sebanyak 3.52 ($sp=0.468$) manakala min paling rendah ialah sub-konstruk keadaan sekolah dengan nilai min ialah 2.95 ($sp=0.505$).

Jadual 2 Analisis konstruk keselamatan pelajar ($n=160$)

Bil.	Aspek	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1	Pergerakan pelajar	3.03	0.448	Tinggi
2	Keadaan sekolah	2.95	0.505	Sederhana
3	Suasana sekolah	3.42	0.414	Tinggi
4	Aktiviti ko-kurikulum	3.44	0.452	Tinggi
5	Pengurusan sosial	3.52	0.468	Tinggi
6	Pengurusan bencana	3.42	0.471	Tinggi
	Jumlah	3.31	0.350	Tinggi

Tahap konstruk kesejahteraan dalam kalangan pelajar

Jadual 3 pula merujuk kepada konstruk kesejahteraan pelajar dengan purata skor min adalah pada tahap sederhana dengan nilai min 2.87 ($sp=0.247$). Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa sub-konstruk sokongan dan potensi diri pelajar mempunyai nilai min yang tertinggi iaitu 3.22 ($sp=0.403$) sementara sub-konstruk kesihatan diri pelajar menunjukkan skor min paling rendah dan berada pada tahap sederhana iaitu sebanyak 2.21 ($sp = 0.539$).

Jadual 3 Analisis konstruk kesejahteraan pelajar ($n=160$)

Bil.	Aspek	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1	Persekitaran sekolah	2.98	0.364	Sederhana
2	Hubungan sosial	3.13	0.379	Tinggi
3	Sokongan dan potensi diri	3.22	0.403	Tinggi
4	Kesihatan diri	2.21	0.539	Sederhana
	Jumlah	2.87	0.247	Sederhana

Analisis Data Inferens (Korelasi Pearson)

Di dalam kajian ini korelasi Pearson digunakan untuk menentukan hubungan di antara konstruk keselamatan dengan kesejahteraan dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Daerah Kanowit. Berikut ialah hipotesis nol yang telah dibentuk.

H01 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara konstruk keselamatan dengan kesejahteraan

Seterusnya Jadual 4 menunjukkan analisis statistik inferen korelasi pearson terhadap hubungan antara konstruk keselamatan dan kesejahteraan pelajar. Didapati bahawa konstruk keselamatan mempunyai hubungan yang positif dengan konstruk kesejahteraan dengan nilai Pearson r ialah ($p=0.000$)=0.529, dimana nilai $p<0.05$. Ini bermakna bahawa semakin tinggi tahap keselamatan pelajar maka semakin baik perasaan sejahtera yang dialami oleh pelajar.

Jadual 4 Hubungan antara konstruk keselamatan dengan kesejahteraan pelajar

	Keselamatan pelajar	Kesejahteraan pelajar
Keselamatan pelajar	Korelasi Pearson	1
	Sig. (1-hujung)	.529**
	N	123
Kesejahteraan pelajar	Korelasi Pearson	.529**
	Sig. (1-hujung)	.000
	N	140

***. Korelasi adalah signifikan pada aras 0.01 (1-hujung).*

PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini merumuskan bahawa konstruk keselamatan sekolah menengah dalam Daerah Kanowit, Sarawak berada pada tahap tinggi. Walau bagaimanapun, salah satu daripada aspek keselamatan iaitu keadaan sekolah berada di tahap sederhana. Keadaan sekolah dalam kajian ini merujuk kepada keadaan bangunan; infrastruktur sekolah termasuk pagar; peralatan dan perabot; dan tempat letak kereta. Persekitaran sekolah dapat mempengaruhi kesihatan dan keselamatan pelajar, staf sekolah dan juga pelawat. Bangunan dan keadaan binaan di sekolah perlu bebas dari bahaya dan tidak mengancam keselamatan pelajar. Berdasarkan kenyataan *World Bank* (2014), elemen bangunan seperti kualiti; struktur dan bukan struktur; dan kegunaan bangunan menjadi indikator kelemahan sesebuah sekolah. Penekanan terhadap kualiti reka bentuk dan pembinaan sahaja tidak mencukupi sebaliknya keupayaan untuk mengekal, membaiki dan mengubahsuai kemudahan tanpa menjejaskan struktur asal juga perlu diambil kira. Pihak sekolah disarankan mewujudkan protokol bagi memastikan persekitaran fizikal sekolah dalam keadaan selamat seperti taman permainan, bekalan air bersih, prosedur pengendalian kecemasan, pengendalian makanan dan seumpamanya (DOE New Hampshire, 2019).

Pihak pengurusan sekolah perlu memastikan sama ada pelajar dijauhkan daripada bahaya atau menggunakan halangan untuk menjauhkan bahaya daripada pelajar. Penggunaan sistem amaran dalam bentuk tanda; perlabelan; penyediaan arahan; dan penggunaan pakaian perlindungan diri berupaya menghapuskan bahaya yang terdapat di sekolah. Di sekolah tempat yang mempunyai risiko tinggi membahayakan keselamatan pelajar ialah makmal dan bengkel. Pernyataan ini sejajar dengan penghuraian tugas pembantu makmal di sekolah yang perlu menyediakan dan memaparkan peraturan dan panduan keselamatan makmal agar sentiasa berada dalam keadaan selamat apabila digunakan semasa proses PdPc (KPM, 2019).

Bagi sub-konstruk kesihatan diri pelajar, tiga item yang berada di tahap yang rendah ialah pernah sakit perut di sekolah; pernah selsema, sejuk dan batuk di sekolah; dan pernah sakit kepala di sekolah. Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan pelajar mengalami masalah kesihatan semasa berada di sekolah. Antara faktor yang menyebabkan sakit kepala misalnya adalah disebabkan oleh tekanan atau stres; makan tidak mengikut waktu; atau tercicir waktu makan (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2019). Keadaan ini jika tidak ditangani dengan baik boleh menjejaskan pembelajaran para pelajar.

Selain daripada itu sub-konstruk persekitaran sekolah juga dilihat mempunyai skor min yang sederhana iaitu 2.98. Sub-konstruk persekitaran sekolah ini adalah melibatkan perkara-perkara yang wujud dan membentuk suasana keberadaan pelajar di sekolah. Wolfgang (1995) menyatakan jumlah pelajar yang didaftarkan di sesebuah sekolah turut mempengaruhi ketersediaan pihak sekolah menyediakan keadaan yang selamat serta mengenal pasti sebab di sebalik tingkah laku pelajar. Keadaan pelajar yang ramai berbanding fasiliti di sekolah secara relatifnya membataskan keupayaan merasai suasana sejahtera dalam

kalangan pelajar. Kajian yang dijalankan oleh WHO (2019) menegaskan bahawa terdapat hubungan antara kesejahteraan mental dengan tingkahlaku yang mengundang risiko seperti merokok, terlibat dengan alkohol, gaya pemakanan yang teruk, penyalahgunaan dadah dan juga keganasan. Terdapat dua faktor dominan yang berupaya menyumbang kepada kesihatan mental iaitu keadaan dalaman seperti tingkahlaku dan sikap; dan luaran seperti persekitaran dan alam sekitar. Faktor ini diperkukuhkan dalam kerangka kesihatan sekolah-sekolah di Ireland. Beberapa faktor yang mempengaruhi kesihatan mental di sekolah antaranya ialah memiliki hubungan yang positif antara rakan dan guru; penglibatan dalam aktiviti sekolah; terdapat pengiktirafan sumbangan, pencapaian dan usaha; wujudnya rasa kepunyaan dan ikatan hubungan terhadap sekolah; dan lain-lain (DOH Ireland, 2015).

Seterusnya kajian ini menegaskan bahawa terdapat hubungan yang positif antara konstruk keselamatan dengan kesejahteraan pelajar. Sekolah yang mempunyai tahap keselamatan yang tinggi mampu mewujudkan rasa sejahtera dalam kalangan pelajar. Keadaan ini dapat dilihat daripada jumlah kes yang melibatkan masalah disiplin atau kemalangan di sekolah atau di luar sekolah yang melibatkan pelajar. Jika pengurusan keselamatan di sekolah dijadikan sebagai elemen utama dalam urusan pentadbiran, maka risiko berlakunya kemalangan dapat diuruskan dengan baik. Beberapa elemen penting yang perlu diberi perhatian dalam mengambil langkah-langkah pencegahan dan perlindungan ialah seperti menguruskan risiko; mengawal risiko di sumber; mencegah risiko dengan melaksanakan reka bentuk sistem kerja yang selamat; dan penyediaan peralatan perlindungan diri jika melibatkan risiko yang tetap ada. Keselamatan dan kesejahteraan yang baik di sekolah akan mengurangkan kerugian kerana tidak melibatkan kos kemalangan dan sakit. Kos kemalangan dan sakit dianggap seperti *iceberg* iaitu kos yang boleh ditanggung dan dilihat lebih kecil berbanding kos tersembunyi menyebabkan perlunya tindakan mengelakkan berlakunya kemalangan dan penjagaan kesihatan (RoSPA, 2012). Kajian yang dilakukan oleh Marinah, Ezrizal dan Ramlee (2018) juga mendapati bahawa semakin baik persekitaran fizikal bilik darjah, maka semakin tinggi kesejahteraan dan keselesaan pengajaran dan pembelajaran murid dalam bilik darjah. Manakala Mohammad Arif dan Sa'odah (2019) mengaitkan kesejahteraan diri pelajar universiti dengan faktor bagaimana mereka mempersepsi diri dari aspek akademik. Dapatan kajian mendapati hubungan yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah.

KESIMPULAN

Selaras dengan mewujudkan konsep sekolah selamat, pelbagai usaha telah dilakukan oleh KPM untuk memastikan pihak sekolah peka dan prihatin dengan keselamatan dan kesejahteraan pelajar. Keselamatan pelajar bukan hanya berfokus kepada semasa mereka berada di dalam kawasan premis sekolah tetapi juga ketika melakukan aktiviti di luar kawasan sekolah. Kesejahteraan pelajar perlu diberi perhatian kerana akan mempengaruhi sikap dan sahsiah, seterusnya memberi kesan kepada pencapaian akademik pelajar. Aspek keselamatan dan kesejahteraan ini sewajarnya digalakkan di sekolah-sekolah agar bukan pelajar sahaja yang akan memperoleh faedah tetapi juga keluarga dan masyarakat. Tambahan lagi sekolah merupakan platform yang strategik untuk menyebarkan nilai-nilai pencegahan ke arah keselamatan dan kesejahteraan kerana keupayaannya untuk menjangkau komuniti yang lebih meluas.

RUJUKAN

- Ainun R. I, Zamri M & Wan Muna Ruzanna W M. (2017). Pembelajaran Abad Ke-21 dan Pengaruhnya terhadap sikap, motivasi dan pencapaian Bahasa Melayu pelajar Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*.Vol.7, Bil.2.
- Armstrong M (2006). *Human Resource Management Practice (ed. Ke-10)*. London: Kogan Page.
- Arul, L.A.S. (2017). General Well-Being of Higher Secondary Students. *Journal on Educational Psychology*, Vol. 10 No. 3
- Australian Catholic University & Erebus International. (2008). Scoping study into approaches to student wellbeing: Literature Review. Report to the Department of Education, Employment and Workplace Relations: Canberra.
- Awang, M., & Suyanto, N. (2017). Pendekatan Keselamatan dan Kesejahteraan Pelajar untuk Sekolah-Sekolah di Malaysia. *Management Research Journal*, 6, 139 - 153. <https://doi.org/10.37134/mrj.vol6.12.2017>
- Awang, M., Zakaria, M. E., & Ismail, R. (2018). Hubungan Persekitaran Fizikal Bilik Darjah dan Kesejahteraan dan Kesselesaian Pembelajaran dan Pengajaran. *Management Research Journal*, 7, 86 - 99. <https://doi.org/10.37134/mrj.vol7.8.2018>
- Berita Harian Online. (2019, Februari 26). Pelajar cuba selamatkan rakan hanyut ditemui lemas. *Berita Harian online*. Diperoleh daripada, <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/02/535132>
- Department of Education New Hampshire. (2019). *Why School Environment Is Important*. Diperoleh daripada, https://www.education.nh.gov/instruction/school_health/health_coord_envIRON.htm
- DOH, Ireland. (2013). A framework for improved health and wellbeing 2013 – 2025. Hawkins House: Ireland.
- Feinstein, L., Sabates, R., Anderson, T. M., Sorhaindo, A., and Hammond, C. (2006). What are the effects of education on health? Measuring the effects of education and health on civic engagement. Proceedings of the Copenhagen symposium: OECD.
- Fraillon, J. (2004). Measuring student well-being in the context of Australian schooling: Discussion paper. Commissioned by the South Australian Department of Education and Children's Services as an agent of the Ministerial Council on Education, Employment, Training and Youth Affairs.
- Goldkind, L. & Farmer, G. L. (2013). The Enduring Influence of School Size and School Climate on Parents' Engagement in the School Community. *School Community Journal*, 23(1), 223-244.
- Gutman, L. M., & Feinstein L. (2008). Children's Well-Being In Primary School: Pupil And School Effects [research report no.25]. London: Wider Benefits of Learning Institute of Education.
- Harian Metro (2017, Nov 20). Remaja hanyut sebelum lemas. *Harian Metro*. Diperoleh daripada, <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2017/11/285729/remaja-hanyut-sebelum-lemas>
- Howes, Carollee. (2000). *Social-emotional Classroom Climate in ChildCare, Child-Teacher Relationships and Children's Second Grade Peer Relations*. Blackwell Publishers Ltd. : USA
- Hussain, I., Ahmad, M., Ahmad, S., Suleman, Q., Din, M. Q., & Khalid, N. (2012). A Study to Investigate the Availability of Educational Facilities at Secondary School Level in District Karak. *Language in India, Strength for Today and Bright Hope for Tomorrow*, Vol, 12 (10), 234-250.
- Konu, A.I., Lintonen, T.P, & Rimpela M.K. (2002). Factors Associated with Schoolchildren's General Subjective Well-Being. *Health Education Research*, Vol. 17, no. 2, 155-165.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2019). Sakit Kepala - *PORTAL MyHEALTH*. Diperolehi daripada, <http://www.myhealth.gov.my/sakit-kepala/>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). Pautan Laman sesawang <https://www.moe.gov.my/>
- (1998). *Pekeliling Ikhtisas Bilangan 21 Tahun 1998 Persediaan menghadapi bencana alam*. Kuala Lumpur: Malaysia.
- (2002). *Pekeliling Ikhtisas Bilangan 4 Tahun 2002 Pelaksanaan Program Sekolah Selamat*. Kuala Lumpur: Malaysia.
- (2002). *Konsep dan Manual Sekolah Selamat*. KPM: Bahagian Sekolah.
- (2011). *Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 8 Tahun 2011 Pengurusan keselamatan murid di sekolah*. Kuala Lumpur: Malaysia.
- (2014). *Garis panduan pelaksanaan Program Minda Sihat untuk menangani tekanan emosi (stres) dalam kalangan murid di sekolah*. Putrajaya: Malaysia.
- (2015). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)*. Putrajaya: Malaysia.
- (2016). *Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 5 Tahun 2016 Pengurusan Keselamatan Murid di Sekolah panduan keselamatan semasa pengajaran pendidikan Jasmani dan Kesihatan serta kegiatan kokurikulum dan sukan di dalam dan luar kawasan sekolah*. Putrajaya: Malaysia.
- (2019). *Surat Edaran Penghuraian Tugas Pembantu Makmal Di Sekolah, Kolej Matrikulasi IPGM Kampus Di Bawah KPM*. Putrajaya: Malaysia.

- Levi, L. (1987). "Fitting work to human capacities and needs". Dlm Katme, et al. (Eds.), Improvements in Contents and Organization of Work: Psychological Factors at Work.
- Mohammad Arif Johari & Sa'odah Ahmad. (2019). *Persepsi Tekanan Akademik dan Kesejahteraan Diri di dalam Kalangan Pelajar Universiti di Serdang, Selangor*. Journal of Social Science (EJOSS), Vol. 5, No. 1, 24-36.
- Moreno, J.M. (2007). Do the initial and the continuous teachers' professional development sufficiently prepare teachers to understand and cope with the complexities of today and tomorrow's education?. J Educ Change 8, 169–173.
- Nelson, M. D., Tarabochia, D. W., & Koltz, R. L. (n.d.). PACES: A Model of Student Well-Being Mark D. Nelson, Dawn W. Tarabochia, and Rebecca L. Koltz Montana State University.
- New South Wales Department of Education and Communities. (2015). The Wellbeing Framework for Schools. NSW: Department of Education and Communities, Australia
- Norlia Arshad & Sufean Hussin (2006). Dasar Sekolah Selamat : Tinjauan di Satu Zon Bandar Raya Kuala Lumpur. Jurnal Pendidikan. 26, 27-36
- Ramlee Ismail, Jamal Yunus & Marinah Awang. (2016). *Analisis data dan pelaporan dengan menggunakan SSPS*. Tanjong Malim: UPSI.
- Reyes, M. R., Brackett, M. A., Rivers, S. E., White, M., & Salovey, P. (2012). Classroom Emotional Climate, Student Engagement, and Academic Achievement. *Journal of Educational Psychology*. Advance online publication. doi:10.1037/a0027268
- RoSPA. (2012). Royal Society for the Prevention of Accidents. <https://www.rosipa.com/>
- Sekiwu, D. & Kabanda, M. (2014). Building Safer Secondary Schools in Uganda through Collective Commitment to Health and Safety Compliance. *International Journal of Educational Policy Research and Review*, 1(4), 47-53. 118
- UNICEF. Statistics Education. Dimuat dari <https://data.unicef.org/topic/education/primary-education/>
- Utusan Online. (2018, Oktober 20). Tragedi pulang dari sekolah. *Utusan Online*. Diperoleh daripada <http://www.utusan.com.my/berita/nahas-bencana/tragedi-pulang-dari-sekolah-1.556925>
- Wolfgang, H. C. (1995). Solving discipline and classroom management problems: Methods and models for today's teachers (3rd Ed.). USA: John Wiley & Sons, Inc.
- World Bank. (2014). Roadmap for Safer Schools. *The Global Facility for Disaster Reduction and Recovery (GFDRR)*. Arup International Development. The World Bank.
- World Health Organization. (2004). The physical school environment: An essential component of a health promoting school. Diperoleh daripada http://www.who.int/school_youth_health/media/en/physical_sch_environment
- World Health Organisation. Health Promoting School: an effective approach for early action on NCD risk factors. 2017 Diperoleh daripada <http://www.who.int/healthpromotion/publications/health-promotion-school/en/>